

SULIT NAMA : _____



NO.KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

**JABATAN PELAJARAN
NEGERI JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

1249/2

SEJARAH

Kertas 2

September

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.*
4. *Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
5. *Tulis jawapan bagi Bahagian B pada Buku Jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
6. *Anda boleh menggunakan Kertas Helaian Tambahan jika helaian dalam Buku Jawapan tidak mencukupi.*
7. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
8. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

1 Rajah di atas menjelaskan tentang peningkatan Tamadun Yunani, Rom, China dan India dalam aspek politik.

(a) Namakan **dua** tokoh penakluk yang meluaskan kuasa dalam zaman di atas.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** bentuk pemerintahan yang diamalkan dalam Tamadun Yunani.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** prinsip undang-undang berasaskan falsafah legalisme dalam Tamadun China.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Mengapakah terdapat dua orang konsul dalam sistem republik Rom?

.....

[1 markah]

(e) Bagaimanakah generasi hari ini boleh memelihara dan mempertingkatkan tamadun negara kita?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

2 Masyarakat Melayu mengamalkan dua jenis sistem pendidikan iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal.

(a) Pengajaran dan pembelajaran tidak formal dalam masyarakat Melayu adalah melalui

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** kemahiran yang diterapkan oleh ibu bapa melalui pendidikan tidak formal.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Di manakah pendidikan formal masyarakat Melayu dilaksanakan selepas kedatangan Islam?

.....

[1 markah]

(d) Senaraikan **dua** ciri sistem madrasah dalam pendidikan formal masyarakat Melayu.

(i)

(ii)

[2 markah]


(e) Pada pendapat anda, bagaimanakah sistem pendidikan boleh menjana perpaduan dalam masyarakat Malaysia masa kini.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]



3 Rajah di atas merujuk kepada perkembangan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-20.

(a) Gerakan Islah ialah

.....

[1 markah]

(b) Namakan **dua** akhbar yang menjadi saluran Gerakan Islah untuk menyebarkan idea perjuangan mereka?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Berikan **tiga** tujuan perjuangan nasionalisme persatuan-persatuan Negeri.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(d) Mengapakah kesedaran berpersatuan tidak menonjol di Sabah pada awal abad ke-20?

.....

[1 markah]


(e) Apakah tindakan Kesatuan Melayu Muda di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaakob untuk menentang British?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]



4 Rajah di atas menunjukkan satu daripada sembilan cabaran yang mesti diatasi oleh rakyat Malaysia bagi merealisasikan Wawasan 2020.

(a) Apakah matlamat Wawasan 2020?

.....

[1 markah]

(b) Namakan **dua** dasar kerajaan yang dilaksanakan untuk membina bangsa Malaysia yang bersatu padu.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Apakah langkah yang diambil untuk memartabatkan bahasa Melayu demi menjamin perpaduan rakyat.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(d) Nyatakan **satu** prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan untuk memperkukuh perpaduan?

.....

[1 markah]

(e) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda merealisasikan Wawasan 2020?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

BAHAGIAN B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Zaman Jahiliah dianggap sebagai zaman kegelapan. Kelahiran Nabi Muhamad s.a.w. membawa kegemilangan kepada masyarakat Arab dan Agama Islam.
- (a) Huraikan corak kehidupan sosial yang diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliah.
[8 markah]
- (b) Nyatakan **lapan** sifat keperibadian Nabi Muhammad s.a.w.
[8 markah]
- (c) Orang Arab Quraisy telah melakukan pemulauan terhadap Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarga baginda. Jelaskan **empat** bukti yang menyokong pernyataan di atas.
[4 markah]
- 6 Penjajahan British di Tanah Melayu membawa kesan dalam aspek pembangunan fizikal dan sosial.
- (a) Nyatakan **enam** kesan sosial akibat penggunaan buruh asing oleh British di Tanah Melayu.
[6 markah]
- (b) Huraikan faktor-faktor perkembangan bandar-bandar baru awal abad ke-20 di Tanah Melayu
[6 markah]
- (c) Terangkan perkembangan sistem pengangkutan dan perhubungan di Tanah Melayu pada akhir kurun ke-19.
[8 markah]

[Lihat Sebelah
SULIT

- 7 Gerakan nasionalisme dalam kalangan pemimpin tempatan telah berlaku pada awal kedatangan British ke negara kita.
- (a) Jelaskan peristiwa penentangan terhadap British oleh tokoh-tokoh di bawah:
- (i) Penghulu Dol Said di Naning [3 markah]
 - (ii) Rentap di Sarawak [3 markah]
 - (iii) Tok Janggut di Kelantan [3 markah]
- (b) Terangkan bagaimanakah pendudukan Jepun menjadi pemangkin terhadap gerakan nasionalisme di Tanah Melayu? [7 markah]
- (c) Sekiranya anda dilantik menjadi pemimpin Malaysia, bagaimanakah cara anda menanamkan semangat nasionalisme terhadap rakyat jelata? [4 markah]
- 8 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 penting sebagai simbol persetujuan British untuk memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu.
- (a) Terangkan **empat** usaha Pakatan Murni ke arah kemerdekaan Tanah Melayu sebelum penubuhan Parti Perikatan. [8 markah]
- (b) Nyatakan **lapan** kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [8 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? [4 markah]

- 9 (a) Terangkan **lima** faktor yang membawa kepada berlakunya Perang Dunia Pertama. [10 markah]
- (b) Jelaskan **enam** kesan Perang Dunia Pertama dari segi ekonomi. [6 markah]
- (c) Apakah yang anda faham tentang konsep di bawah?
- (i) Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau *Information and Communication Technology* (ICT) [2 markah]
- (ii) K-masyarakat [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT